



MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN
BAHAGIAN PENGURUSAN PASAR DAN PENJAJA
JALAN KOLAM AIR, 05675 ALOR SETAR, KEDAH.
TEL : 04 - 730 8751

SIMPANAN PEJABAT (MBAS)

SYARAT-SYARAT PERMIT SEMENTARA

1. Permit sementara adalah dibenarkan untuk tujuan berikut iaitu:
 - Ekspo/karnival yang berunsurkan perniagaan di atas tapak hakmilik persendirian atau kawasan awam yang diselenggara oleh Majlis.
 - Premis perniagaan yang bercadang mengadakan majlis pembukaan kedai dengan syarat telah mempunyai lesen atau telah memohon lesen perniagaan.
 - Premis yang mengadakan promosi sempena ulangtahun pembukaan kedai
 - Promosi jualan murah dengan syarat mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
 - Promosi sempena musim perayaan dan upacara keagamaan.
 - Pemasangan khemah bagi tujuan majlis perasmian pembukaan pejabat pengurusan/institusi kewangan dan sebagainya.
 - Pemasangan khemah bagi tujuan majlis jamuan makan/perkahwinan dan sebagainya
2. **PENGENDALI MAKANAN**
 - a) Pengendali makanan hendaklah mendapatkan pemeriksaan pegawai perubatan dan suntikan TY2 untuk layak mengendali makanan.
 - b) Pengendali makanan hendaklah menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Majlis
 - c) Semua pengendali makanan diwajibkan memakai apron yang berwarna cerah dan penutup kepala yang bersih.
 - d) Setiap pengendali makanan dilarang:-
 - Berkuku panjang dan kotor
 - Merokok semasa mengendali makanan
 - Memakai selipar dan sandal
 - Menyentuh dan mengambil makanan yang dimasak dengan tangan
(Hendaklah menggunakan sarung tangan dan peralatan yang sesuai
3. Penganjuran ekspo / karnival bersama 'funfair' atau pertunjukan pentas hendaklah mendapat **kelulusan lesen hiburan awam** daripada **Pejabat Daerah Kota Setar**
4. Permohonan hendaklah dikemukakan **sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh aktiviti** hendak dijalankan.
5. Kawasan / lokasi dan tempoh perniagaan yang dibenarkan adalah seperti di dalam kelulusan permit sementara yang di keluarkan oleh pihak Majlis Bandaraya Alor Setar
6. Pemegang permit sementara ini mestilah bertanggungjawab terhadap kebersihan dan keindahan premis perniagaan dan persekitaraannya.
7. Pemegang premis adalah bertanggungjawab terhadap sebarang unsur berbentuk liabiliti yang mana disebabkan oleh aktiviti perniagaan yang dijalankan.
8. Perniagaan mestilah bebas dari unsur-unsur provokatif atau anti-kerajaan atau mana-mana perbuatan yang cenderung ke arah tersebut dan yang dianggap boleh menimbulkan keresahan dan kacau ganggu kepada orang awam.
9. Barang jualan hendaklah bersesuaian dengan musim perayaan atau promosi yang dijalankan seperti mana yang dinyatakan di dalam borang permohonan.

10. Penutupan jalan sepenuhnya tidak dibenarkan.
11. Pemasangan kain rentang dan banting / streamer perlu mendapatkan kelulusan Majlis dan mematuhi garis panduan lesen iklan sementara yang ditetapkan.
12. Khemah hendaklah dibuka sebaik tempoh permit tamat.
13. Hendaklah mempamerkan stiker kelulusan permit sementara di khemah / kaki lima / bahagian yang mudah dilihat.
14. Bagi permohonan di dalam premis persendirian hendaklah kemukakan kebenaran atau sokongan daripada pemilik premis.
15. Bayaran perlu dijelaskan sebelum aktiviti dijalankan dan kadar bayaran yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	HARGA (RM)	TEMPOH
1	Wang Proses	10.00	
2	Pelekat	5.00	
3	Permit sementara	120.00/1 peniaga	1 hari
4	Tempat letak kereta	20.00 / 1 lot	1 hari
5	Permit khemah	50.00/per unit	1 hari
6	Wang pertaruhan khemah	1,000.00	
7	Wang pertaruhan tanpa khemah	150.00	

** Bayaran khemah RM 50.00 x 1 khemah dan bayaran khemah yang ke-4 adalah mengikut kiraan kaki.*

16. Permit sementara ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Pihak Majlis Bandaraya Alor Setar tanpa memberikan apa-apa sebab atas pembatalan tersebut dan pemegang permit adalah tertakluk kepada sebarang arahan atau pindaan dalam syarat-syarat ini.
17. Majlis Bandaraya Alor Setar adalah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang unsur-unsur kemalangan, kerugian atau mana-mana yang bersifat liabiliti semasa perniagaan sementara ini berlangsung.
18. Pelesen adalah tertakluk kepada **peraturan** dan **undang-undang** yang ditetapkan dan pihak Majlis berhak menarik balik kelulusan yang terdapat sekiranya terdapat sebarang perubahan pelanggaran dan aduan yang dirasakan boleh menggugat kesejahteraan orang awam atau melanggar hak-hak individu.
19. Tuntutan Wang Pertaruhan perlu dituntut dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh wang pertaruhan dibayar dan jika pemohon gagal untuk membuat tuntutan wang pertaruhan akan dimansuhkan oleh Majlis.
20. Semua jenis perniagaan perlu **menggalakkan dan memperkenalkan bag alternatif (beg bio)** yang boleh digunakan semua bagi menggantikan bag plastik.
21. Menggantikan penggunaan pembungkus makanan polisterin dengan penggunaan pembungkus makanan yang mesra alam atau boleh dikitar semula.
22. Penyedut **minuman plastik (straw) tidak digalakkan** kepada pelanggan.
23. Pemegang permit sementara **digalakkan mempamerkan harga** bagi setiap jenis makanan atau barangan.
24. Pemegang permit sementara juga perlu mematuhi **etika berpakaian sopan / tidak menjolok mata** untuk sebarang aktiviti berunsurkan hiburan / pertunjukan.
25. Peniaga atau pembantu **warga asing** adalah Tidak Dibenarkan, Tindakan tegas akan diambil sekiranya didapati terdapat peniaga atau pembantu warga asing di tapak.
26. Semua Peniaga digalakkan untuk menyediakan Bar Code (Pay) Bank berdaftar bagi memudahkan transaksi bayaran tanpa tunai (Cashless) di gerai.
27. Majlis Bandaraya Alor Setar akan melaksanakan transaksi bayaran tanpa tunai (cashless) sepenuhnya di semua kaunter bayaran MBAS. Semua dinasihatkan supaya mengaktifkan Kad Kredit/ Kad Debit/ Perbankan Online bagi memudahkan urusan pembayaran tanpa tunai (cashless).

C. PERAKUAN PEMOHON

1. Saya dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini adalah benar, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar berhak menolak permohonan ini ataupun menarik balik permit sementara yang telah dikeluarkan kepada saya.
2. Saya juga berjanji tidak akan menukar atau menambah sebarang aktiviti perniagaan saya kecuali mendapat kelulusan terlebih dahulu . Saya akan memaklumkan kepada pihak Majlis jika saya memberhentikan perniagaan atau menukar tarikh perniagaan atau menukar tapak perniagaan.
3. Saya berjanji akan mematuhi segala syarat-syarat permit sementara dan kehendak Majlis yang berkaitan dengan pengeluaran lesen. Jika gagal berbuat demikian pihak berhak mengambil tindakan **UNDANG-UNDANG** termasuk menarik balik atau membatalkan lesen saya tanpa sebarang notis.

.....

Tarikh :

Tandatangan Permohon & Cop Syarikat